

TARIKH	3 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	39	RUANGAN	sempat

Kuota haji belum putus

Malaysia taruh harapan Arab Saudi kekalkan bilangan jemaah seperti tahun lalu

>>Oleh Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor
mohdhelmi@metro.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan Arab Saudi sehingga kini belum memutuskan jumlah jemaah haji Malaysia yang dibenarkan menunaikan ibadat

itu tahun ini berikutan masih dalam urusan pentadbiran. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (*gambar*) berkata, pihaknya belum dimaklumkan mengenai kuota haji sebenar dan mengharapkan kuota lama dikekalkan. "Selain kuota haji, kami ju-

ga mengharapkan perkhidmatan lain seperti pengangkutan dan tempat tinggal dikekalkan," katanya selepas menjawab persoalan mengenai jumlah kuota haji bagi tahun ini. Menurut Jamil Khir, memandang individu yang memohon menunaikan iba-

dat haji setiap tahun meningkat berbanding jumlah sedia ada, pihaknya memberi ketutamaan kepada mereka yang belum pernah menjejakkan kaki ke Tanah Suci itu. "Oleh itu, lebih wajar jika jemaah yang sudah menunaikan haji memberi peluang kepada mereka yang me-

nunggu giliran," katanya. Jamil Khir berkata, kemungkinan kuota untuk penduduk negara ini menunaikan haji diturunkan berikutan beberapa kawasan di Riyadh, Makkah serta bahagian dalam pusat ibadat terutama Masjidil Haram sedang dibangunkan.

